

05 APR 2001

Mahathir-AS

MALAYSIA MAHU HUBUNGAN BERCORAK BARU DENGAN AS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mahu mewujudkan hubungan bercorak baru dengan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Presiden George W.Bush.

Perdana Menteri berkata ini termasuk mengurangkan perselisihan faham antara Kuala Lumpur dengan Washington.

Beliau berkata hasrat itu disampaikan kepada Duta Besar AS ke Malaysia, B. Lynn Pascoe pada satu pertemuan di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen Selasa lepas.

"Duta Amerika Syarikat jumpa saya. Saya ingin jelaskan pendirian kerajaan terhadap kerajaan baru Amerika Syarikat.

"Kita berpendapat bahawa dengan adanya kerajaan baru, mungkin kita dapat memperbaharui hubungan kita dengan AS dan kita kurangkan sedikit perselisihan faham antara kita dengan AS," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan ke Kementerian Penerangan di Angkasapuri, di sini.

Beliau telah diminta menjelaskan hasil pertemuannya dengan Pascoe.

Pertemuan itu adalah pertemuan rasmi yang pertama Pascoe dengan Dr Mahathir sejak Pascoe memulakan tugasnya di negara ini pada 1 Mac 1999. Ia diadakan tidak sampai tiga bulan setelah Bush dilantik sebagai Presiden AS ke-43 pada 20 Jan lepas.

Ketegangan sering berlaku dalam hubungan antara Amerika Syarikat dengan Malaysia apabila Washington dikatakan mencampuri urusan dalaman Malaysia. Beberapa pihak termasuk parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan telah menyalahkan Amerika kerana tindakan itu.

Ogos lalu, Malaysia membantah keras tindakan Amerika Syarikat membuat kenyataan menyerang badan kehakiman Malaysia dalam mengendalikan kes jenayah bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang kalah kepada Bush dalam pilihan raya presiden tahun lalu, juga menimbulkan kebencian rakyat negara ini apabila beliau melahirkan sokongan kepada apa yang dikatakan gerakan reformasi ketika berucap pada satu majlis sempena Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini pada 1998.

Pada persidangan media hari ini, Dr Mahathir berkata bahawa semasa pertemuan dengan Pascoe itu beliau turut menegaskan mengenai sikap bebas Malaysia untuk terus menegur tentang perkara-perkara yang patut ditegur.

"Pada masa yang sama kita jelaskan bahawa kita adalah negara yang bebas dan apabila kita dapati sesuatu yang perlu ditegur, kita akan terus menegur.

"Kita tidak hendak kredibiliti kita di kalangan orang lain terjejas kerana kita memihak kepada mana-mana pihak," katanya.

Dr Mahathir juga diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar semalam bahawa antara negara-negara yang menghantar wakil mereka menghadiri taklimat tertutup Parti Keadilan Nasional mengenai isu Anwar di sebuah hotel di Petaling Jaya baru-baru ini ialah dua anggota Asean iaitu Singapura dan Indonesia.

"Mereka harus sensitif terhadap perasaan kita, kita tidak campur tangan dalam urusan rumah tangga mereka dan mereka juga tidak harus campur tangan dalam urusan rumah tangga kita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, penglibatan negara-negara berkenaan boleh menjejaskan semangat Asean.

Selain Malaysia, Singapura dan Indonesia, Asean turut merangkumi Brunei, Kemboja, Laos, Myanmar, Filipina, Thailand dan Vietnam.

Syed Hamid berkata negara lain yang menghantar wakil mereka ke taklimat tertutup Keadilan itu ialah Australia, Britain, Kanada, Perancis, Sepanyol, Sweden, Holland, Amerika Syarikat, Jerman dan New Zealand.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak suka orang asing mengambil bahagian dan campur tangan dengan urusan dalaman negara ini.

"Kerajaan juga tak panggil duta-duta untuk memberi penjelasan walaupun kita dapati ramai daripada duta-duta mempunyai pandangan serong terhadap kerajaan.

"Namun kita tak membuat apa-apa penjelasan khusus kepada mereka sedangkan kita boleh berbuat demikian kerana kita mempunyai maklumat yang mungkin mereka tak ada," katanya.

Perdana Menteri mengulangi ingatannya tentang bahaya kemungkinan negara ini dikuasai oleh orang asing jika wujud sikap selalu mengundang mereka untuk campur tangan dalam urusan dalaman Malaysia.

Ditanya mengenai mekanisme untuk Dana Amanah Saham Nasional seperti yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), Dr Mahathir berkata: "Ia adalah amanah saham yang terbuka kepada semua kaum dan mekaniknya akan saya jelaskan apabila saya lancarkannya".

-- BERNAMA

AFY ES NMO